

07 DEC 1997

MTUC-ISA

MTUC GESA DIHAPUSKAN ISA DAN OSA

PETALING JAYA, 7 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), gabungan kesatuan sekerja yang terbesar di Malaysia, hari ini menggesa kerajaan menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Presidennya Zainal Rampak berkata, ISA tidak perlu lagi di negara ini memandangkan negara dan rakyat kini telah pun menikmati kestabilan politik dan pada masa yang sama tidak lagi wujud ancaman komunis dan pelampau di Malaysia.

"OSA perlu dihapuskan kerana akta ini adalah penyekat kepada ketelusan dalam pentadbiran negara dan ia juga secara tidak langsung menggalakkan rasuah serta penyelewengan kuasa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Minggu Hak Asasi Kesatuan Kerja di sini.

Satu seminar hak asasi manusia anjuran Majlis Peguam di sini semalam juga hangat membincangkan undang-undang yang membenarkan seseorang ditahan tanpa perbicaraan di negara ini dan merayu kerajaan menghapuskan undang-undang seumpama itu, terutama ISA.

Sehubungan itu, MTUC mencadangkan supaya Akta Maklumat diperkenalkan bagi menggantikan OSA untuk antara lain membolehkan kerajaan menerangkan tentang dasar dan isu terkini negara.

MTUC turut menyokong langkah-langkah baru kerajaan yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat lepas untuk mengatasi kegawatan ekonomi akibat kejatuhan nilai ringgit serta pasaran saham.

Zainal berkata nilai ringgit kini susut lebih 40 peratus dan sekali gus kuasa membeli pihak pekerja juga jatuh sebanyak itu.

Beliau lalu mencadangkan kerajaan memperkenalkan semula Elaun Sara Hidup (COLA) sepertimana dilakukan oleh kerajaan semasa negara mengalami kemelestan ekonomi pada 1980'an dahulu.

"Sektor swasta juga perlu mengadakan skim bantuan kepada pekerja mereka sebagai satu tanggungjawab sosial," katanya.

Dalam ucapan perasmianya, Zainal berkata MTUC menggesa rakan-rakan dialog tiga penjurong terutama kerajaan dan majikan memelihara kebajikan pekerja dan menggalakkan mereka berkesatuan.

MTUC menyarankan majikan supaya menerima pekerja mereka sebagai rakan kepada kemajuan dan menghormati hak asasi asas mereka seperti bebas berkesatuan dan berhimpun.

"Kami telah menerima banyak laporan terdapat majikan sama ada menghalang pekerja mereka menubuhkan kesatuan atau memperkecilkan majlis-majlis anjuran kesatuan sekerja mereka," katanya.

MTUC merayukan majikan menghormati gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ahli-ahli perniagaan supaya berkorban bagi kebaikan rakyat dan negara.

Syarikat-syarikat boleh membuat sumbangan masing-masing demi kepentingan negara dengan tidak menaikkan harga barangan serta menawarkan kenaikan gaji yang berpatutan. -- BERNAMA

SJA PR